



## Seminar Dan Ekspo Francais & Vendor Negeri Kelantan

Program Francais dan Vendor telah dikenalpasti oleh pihak Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) sebagai elemen "leap frogging" dalam membangunkan lebih ramai usahawan tempatan khususnya usahawan bumiputra. Salah satu strategi bagi memberi pendedahan kepada usahawan tentang program ini adalah dengan mengadakan "roadshow" seminar dan ekspo di seluruh Malaysia. Diperingkat Negeri Kelantan, PKINK telah diberi tanggungjawab bagi membangunkan francais dan francais tempatan.

Justeru, pada 1 & 2 Oktober 2001, KPU dengan kerjasama agensi-agensinya di bawahnya telah menganjurkan seminar di atas. Sebagaimana dilain-lain negeri, satu jawatankuasa induk yang diketuai oleh KPU dan dianggotai oleh agensi-agensi di bawah KPU seperti MARA, PKINK, Dewan Perniagaan Melayu, Bank Pembangunan, Perbadanan Kraftangan dan Pusat Khidmat Kontraktor telah dibentuk bagi menganjurkan seminar dan ekspo tersebut.

Y.B. Dato' Rizalman bin Abdullah, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan yang mewakili Y.B. Dato' Menteri Pembangunan Usahawan telah merasmikan seminar dan ekspo tersebut. Turut hadir semasa majlis perasmian adalah Tuan Haji Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif PKINK yang telah menyampaikan cenderahati dari PKINK kepada Y.B. Dato' Rizalman bin Abdullah.

Objektif penganjuran seminar dan ekspo selama 2 hari tersebut adalah:

1. Mengenalpastikan perniagaan francais sebagai elemen "Leap Frogging" dalam membangunkan lebih ramai usahawan tempatan selaras dengan matlamat untuk melahirkan seramai 1,000 francais bagi tempoh Rancangan Malaysia ke 8 (RMK8).
2. Memberi pendedahan dari pendidikan kepada masyarakat usahawan dan bakal usahawan terhadap sistem perniagaan francais dan vendor serta membuka peluang perniagaan kepada mereka untuk menyertai Program Pembangunan Francais dan Vendor.
3. Membantu syarikat-syarikat francais dan francais induk dan anchor mempromosikan perniagaan mereka dan memberi peluang kepada mereka untuk mengenalpasti usahawan-usahawan yang berpotensi untuk dilantik sebagai francais.

Pada hari pertama seminar, sebanyak enam topik telah di bincangkan seperti Bagaimana Menilai Sesuatu Peluang Perniagaan Francais,



Program Pembangunan Francais & Peranan KPU, Program Pembangunan Vendor & Peranan KPU, Peranan Persatuan Francais Malaysia (MFA), Perkongsian Pengalaman Bersama Francais/Vendor dan juga Kemudahan Pembiayaan Francais & Vendor. Ceramah-ceramah telah disampaikan oleh para pegawai KPU, MFA dan juga institusi kewangan seperti MBB, PNS, MAEA CGC dan BPIMB.

Pada hari kedua pula, sebanyak 4 sesi bengkel telah diadakan yang mana setiap sesi bengkel dijalankan 3 bengkel serentak. Ini bagi membolehkan para peserta berbincang dan mendapat penjelasan lanjut tentang produk yang ditawarkan oleh setiap francais.

Seminar yang dianjurkan kali ini telah dihadiri oleh 460 orang peserta dari seluruh negeri Kelantan yang terdiri para usahawan dan bakal usahawan. Dari maklumbalas para peserta, ternyata seminar 2 hari tersebut telah berjaya mencapai matlamatnya.



# Pesanan KOPRAT

Islam amat menggalakkan umatnya supaya berkerja dengan penuh muhibbah, kasih sayang dan kemesraan di dalam apa jua lapangan perkhidmatan selagi ianya tidak melanggar hukum-hukum syara'. Sebagai contoh ialah apa yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w.) dan Khalifah Ar-Rasyidin semasa menjalankan pentadbiran dalam masyarakat berbilang kaum dan agama, telah dapat membentuk semangat kerjasama, tolong menolong dan kasih sayang yang amat erat di kalangan mereka.

Hubungan sesama manusia dalam menjalinkan semua jenis perkhidmatan untuk kebajikan bersama akan diberi nilai tinggi, dan bagi orang islam ianya dianggap sebagai satu ibadah. Sabda Nabi (s.a.w.) yang bermaksud:

***"Hubungan orang mukmin dengan orang mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan yang menguatkan di antara satu dengan yang lain".***  
***(Hadith riwayat Al-Tabrani).***

Menyedari hakikat inilah, Pengurusan Perbadanan berusaha menjalin hubungan erat dengan agensi-agensi luar sama ada mereka dari pihak kerajaan Persekutuan, Negeri ataupun swasta baik dari sudut menyertai kejohanan sukan, menganjurkan seminar secara bersama, menerima kunjungan hormat daripada tetamu luar mahu pun mengadakan lawatan sambil belajar.

Sesungguhnya usaha yang murni serta sokongan padu daripada Pengurusan Perbadanan ini tidak harus dipandang sinis kerana di antara faktor kelincinan peralaksanaan projek-projek Perbadanan adalah bergantung kepada kerjasama dan perselahaman yang baik daripada pihak-pihak ini. Budaya "bodek membodek" tidak timbul di sini kerana jika itulah yang dihajati, usahkan hubungan dan kerjasama yang berterusan dapat dijalin, mencium pahala ibadat daripada Allah s.w.t. jauh sekali.

Semoga semua pihak dapat berlapang dada dan berfikiran terbuka serta berusaha untuk memastikan pembangunan yang berteraskan prinsip-prinsip islam akan terus dibangunkan

## SIDANG PENGARANG.

# Sidang Editor

**Penaung:**  
Tn. Hj. Hanifa Ahmad

**Ketua Editor:**  
Tn. Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

**Editor :**  
Tn. Hj. Baharuddin Harun

**Pen. Editor:**  
En. Mohd. Adilan Mat Jusoh • Pn. Ahlaami Hj. Ab. Halim  
Pn. Nik Farzimar Nik Omar • Pn. Teh Mariam Mohamed  
En. Wan Azizan Wan Yaakub • Y.M. Tengku Petra Tengku Wook  
En. Mohd. Ramli Hj. Hamzah

**Juru Foto:**  
En. Mohd Ghazali Mahmood

## BERITA KUMPULAN PKINK DITERBITKAN OLEH :

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan  
Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani  
Peti Surat 142, 15710 Kota Bharu,

**Dicetak Oleh:**  
DIAN DARULNAIM SDN. BHD.  
5315-A, Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang,  
15200 Kota Bharu, Kelantan Darulnaim  
Tel : 609 - 7443510, 609 - 7448493





# PESTA WAU ANTARABANGSA KELANTAN 2001

Perdana Resort telah diberikan tanggungjawab dan kepercayaan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan untuk menganjur Pesta Wau Antarabangsa Kelantan 2001. Pesta dari 12 - 15 Julai 2001 ini telah diadakan di pesisiran pantai Perdana Resort bermula dari jam 9.00 pagi - 10.00 malam. Ianya merangkumi pertandingan wau peringkat kebangsaan dan pertunjukan antarabangsa oleh peserta luar negara. Antara kategori yang dipertandingkan pada peringkat kebangsaan ialah Wau Sobek/Cantik, Wau Naik Daun, Wau Puyuh, Wau Jalabudi, Wau Kucing, Wau Naik Tradisional dan Wau Ciptaan.



Di samping pertandingan dan pertunjukan wau, persembahan Dikir Barat turut diadakan bagi memeriahkan lagi pesta tersebut. Beberapa kumpulan terkenal dengan personaliti Dikir Barat yang popular masakini seperti Zain Endoro, Pak Nik Man Chok Cangkul, Setapa Merak Emas, Ismail Gunung Ganang dan Megal Nordin telah diundang. Acara tersebut turut diserikan dengan persembahan Orkestra Simfoni Warisan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Jelawat, Bachok dan Sekolah Menengah Kok Lanas yang menjuarai pertandingan Dikir Barat Sekolah-Sekolah Kelantan 2001.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada para peserta telah disempurnakan oleh YB. Tuan Haji Anuar Tan Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Pelancongan, Kebudayaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Di samping pertandingan dan pertunjukan wau, sebanyak 40 buah gerai jualan dan juga pameran disediakan pada hari tersebut. Pengunjung-pengunjung dianggarkan lebih kurang 10,000 orang sepanjang pesta berlangsung.

# PESTA Nasi 100

Bertujuan bagi meletakkan negeri Kelantan sebagai sebuah negeri yang terunggul dalam industri pelancongan serta kaya dengan seni dan kebudayaan, Perdana Resort telah turut menyertai Pesta Nasi 100 bersama-sama dengan beberapa hotel lain di Negeri Kelantan dengan hidangan nasi 'sup gear box' dan juga nasi tulang yang diadakan di Padang Perdana pada 22hb Julai 2001, jam 10.30 pagi.

Pesta tersebut adalah anjuran bersama Persatuan Pelancongan Negeri Kelantan dan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Majlis perasmian pesta tersebut telah dilakukan oleh YB Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia yang menyampaikan sijil pengiktirafan "The Book of Record" sebagai the largest rice festival in Malaysia.





# KURIKULUM PEMBANGUNAN INSAN (KPI) KUMPULAN SOKONGAN DIMULAKAN



Kurikulum Pembangunan Insan II (KPI) Kumpulan Perbadanan telah dimulakan untuk tempoh lima bulan bagi Kumpulan Sokongan dari PKINK dan Syarikat Anak. Ianya telah sempurna dirasmikan oleh Tuan Haji Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dan turut dihadiri oleh pengurusan PKINK serta wakil-wakil dari pengurusan syarikat anak.

Berucap di majlis perasmian tersebut, Ketua Eksekutif telah menekankan bahawa KPI diadakan adalah bertujuan untuk membuat perubahan dan memberi kesedaran dalaman kepada anggota-anggota kumpulan tentang tanggungjawab manusia sebagai hamba kepada Allah s.w.t., sebagai anggota kepada keluarga serta sebagai anggota kepada sesuatu organisasi seperti PKINK. Katanya lagi "Perubahan kepimpinan baru PKINK ingin melihat perubahan yang positif daripada anggota-anggota bagi meningkatkan prestasi PKINK ke tahap yang lebih baik lagi dan melihat semua anggota Kumpulan Perbadanan bekerja sebagai satu pasukan yang mantap. Insya Allah, perubahan ini akan menghasilkan kepada kita 'reward' dalam bentuk material serta ganjaran pahala daripada Allah s.w.t. kerana keyakinan serta niat yang ikhlas bahawa bekerja di pejabat, di ladang serta menghadiri mesyuarat juga dikira sebagai ibadah kepada Allah s.w.t."


KPI kali ini disertai oleh 58 orang anggota dan ianya masih mengekalkan kaedah memberi penjelasan terhadap konsep ubudiyah (kehambaan), mas'uliyah (kepertanggungjawaban) dan itqan (ketekunan) dalam kehidupan hamba. Sekali lagi Institut Latihan Kepimpinan dan Perkaderan Islam (ILHAM) telah diberi kepercayaan oleh PKINK untuk mengendalikan kursus ini.

## PROGRAM QIYAMULLAIL 2001

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan KSK PKINK telah bergabung tenaga menganjurkan Qiyamullail 2001 bertempat di Taman Rehlah, Pasir Putih. Program tersebut telah diadakan pada 24 - 25 Ogos 2001. Seramai lebih kurang 40 orang anggota Kumpulan PKINK yang juga ahli KSK PKINK telah melapangkan diri mengikuti program ini yang bermula sejak petang Jumaat lagi.

Tujuan utama program ini ialah untuk mendekatkan para peserta dengan amalan sunat solat malam disamping bermunajat kepada Allah s.w.t. Bagi merapatkan hubungan silaturrahim, para peserta telah digalakkan datang secara 'car pool'. Turut diselitkan ialah perlawanan bola tampar persahabatan, penyerahan cenderahati untuk peserta dan kuliah magrib serta taklimat qiyamullail daripada Ustaz Mohd. Puad Abdul Wahab yang dijemput khas dari pondok Pasir Tumbuh.

Program ini telah diserikan lagi dengan kehadiran Ketua Eksekutif Kumpulan dan isteri, Timbalan-timbalan Ketua Eksekutif serta





# MAKTAB PERTAHANAN ANGKATAN TENTERA MELAWAT PKINK

Pada 25 Jamadil Awal 1422 bersamaan 15 Ogos 2001 yang lalu, seramai 53 orang pegawai dan pelatih dari Maktab Pertahanan Angkatan Tentera Malaysia telah mengadakan lawatan ke PKINK. Rombongan tersebut yang diketuai oleh YS. Laksamana Dato' Mat Rabi b. Abu Samah bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini dari jabatan-jabatan kerajaan terutamanya maklumat yang berkaitan dengan keselamatan, ekonomi dan sosial.

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah diwakili oleh YBrs. En. Mohd Azamli Jamaludin, Timbalan Pengarah Ekonomi dan Pelaburan untuk menyampaikan taklimat mengenai perancangan serta pelaksanaan projek-projek pembangunan di negeri Kelantan. Ini termasuklah permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan projek-projek tersebut, kejayaan yang dicapai serta tahap pertumbuhan ekonomi dan KDNK.

Pengurus Perancangan Korporat PKINK, Tuan Hj. Mohd Suhane b. Ibrahim Araui pula telah menyampaikan taklimat mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh PKINK dan syarikat-syarikat dalam kumpulan. Penglibatan dan aktiviti yang dijalankan termasuklah bidang-bidang seperti pertanian, pambalakan / perikanan, perladangan, pembangunan hartanah, perhotelan dan pertanian.



Di akhir taklimat, para peserta telah benar-benar memanfaatkan masa yang agak terhad untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci menerusi sesi dialog dan soal jawab. Sebelum berpisah ahli-ahli rombongan telah diraikan dengan jamuan makan tengahari.

## Selamat Datang Pengurusan Baru Hotel Perdana



Encik Samari, 41 tahun, memulakan tugasnya sebagai Resident Manager Hotel Perdana, syarikat anak milik penuh PKINK pada 16 September 2001.

Beliau berasal dari Kampung Gajah, Perak dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perhotelan. Beliau memulakan karier dalam bidang perhotelan ini dengan bekerja sebagai 'waiter'.

Bermula dari jawatan tersebut, beliau mula menambah pengalaman dengan diberi tanggungjawab dalam beberapa jawatan penting dalam bidang perhotelan dan pernah bertugas sebagai Assistant Front Office

resort di Cameron Highland, Terengganu dan juga Langkawi. Sebelum bertugas di Hotel Perdana beliau adalah sebagai Resident Manager di Hotel Puri, Melaka dan seterusnya sebagai Resort Manager di Pasir Salak Riverine Resort.

Perbadanan turut mengalu-alukan kedatangan Puan Norizan Yaacob sebagai Pengurus Kewangan Hotel Perdana yang baru bermula 1 Oktober 2001. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam urusan kewangan dan pernah berkhidmat di Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad, sebuah firma audit yang terkemuka.

Perbadanan merasa bertuah menerima kehadiran kedua-dua anggota baru Kumpulan Perbadanan yang berpengalaman luas dalam bidang masing-masing. Adalah diharapkan agar kehadiran mereka ini, walaupun secara kontrak, dapat mengukuh dan mempertingkatkan imej serta prestasi Hotel Perdana dan juga PKINK.



# SEKITAR

# LAWATAN KORPORAT

# MAJLIS EKSEKUTIF PKINK


Majlis Eksekutif PKINK telah meneruskan siri Lawatan Korporat ke syarikat-syarikat anak dalam Kumpulan PKINK bagi tujuan meneliti dan memantau perkembangan syarikat secara lebih dekat dan berkesan.

Bagi sepanjang bulan Jun hingga Oktober 2001, Bahagian Perancangan Korporat telah mengatur lima siri lawatan iaitu ke kilang kayu gergaji milik Kompleks Perakayuan Kelantan Sdn. Bhd. di Kemubu dan ladang kelapa sawit di bawah seliaan Ladang Tapis Sdn. Bhd. di Jeli (20 Jun 2001) lawatan ke Pusat Rawatan Islam An-Nisa', Kota Bharu telah diadakan pada 18 Julai 2001. Pada 24 Julai 2001, Ahli-ahli Majlis Eksekutif telah mengadakan lawatan ke Syarikat Ladang Sungai Terah dan Latex Concentrate Sdn. Bhd. di Gua Musang. Lawatan ke projek-projek perumahan yang dimajukan oleh Binaraya PKINK Sdn. Bhd. di Pengkalan Chepa, Pasir Tumbuh, Machang dan Tanah Merah telah pada 2 September 2001.

Lawatan-lawatan tersebut merangkumi taklimat ringkas oleh Pengurusan Syarikat, tinjauan sekitar lapak operasi serta perbincangan diantara Majlis Eksekutif, pihak pengurusan serta anggota-anggota syarikat. Rumusan dari perbincangan tersebut akan dimaklumkan kepada pengurusan syarikat untuk tindakan selanjutnya manakala Jawatankuasa Pemantauan Syarikat Anak yang diketuai oleh Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) akan membuat pemantauan dan susulan kepada pelaksanaan tindakan tersebut.











## LAWATAN SAMBIL BELAJAR KEKWA KE SELANGOR DARUL EHSAN & PERAK DARUL RIDZUAN

Pada 4 - 7 Jamadil Awal bersamaan 24 - 27 Julai 2001 yang lalu Unit KEKWA, Kelab Sukan & Kebajikan PKINK telah berjaya menganjurkan satu lawatan balas ke Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP). Di samping lawatan ke PKNP, KEKWA juga turut ke Selangor Darul Ehsan dan berpeluang melawat Putrajaya, Cyberjaya, Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC) dan Mimos Bhd.

Rombongan telah disertai seramai 17 orang yang terdiri daripada 14 ahli KEKWA dan 3 dari Badan kebajikan dan Dakwah. Rombongan telah bertolak ke Kuala Lumpur pada jam 9.00 malam, 4 Jamadil Awal 1422 dan menginap di Quality Hotel, Kuala Lumpur. Keesokan harinya program lawatan meliputi Putrajaya, Cyberjaya dan KLCC.



Di Putrajaya, rombongan telah diberi taklimat ringkas serta dibawa melawat beberapa tempat sekitar Putrajaya seperti Masjid Putrajaya, Bangunan Perdana Putra, Kompleks Sri Perdana dan Putrajaya Wetland. Di Cyberjaya, rombongan telah dibawa meninjau Projek Rumah Pintar dan Universiti Multimedia. Di KLCC rombongan telah diraikan oleh Petronita dari Petronas dengan sesi lawatan ke menara dan taklimat ringkas di tengah-tengah jambatan menara KLCC serta majlis minum petang di perkarangan Suria KLCC.

Keesokannya, 6 Jamadil Awal 1422, rombongan telah ke MIMOS Bhd, yang terletak di Taman Teknologi. Taklimat telah diadakan melalui E-World yang mana ia adalah satu ruang khusus yang dibina semasa lawatan YAB, Perdana Menteri dan selanjutnya dibuka kepada pelawat-pelawat lain. Sesi tersebut amat bernilai dalam konteks memahami operasi MIMOS di samping menimba pengetahuan dalam teknologi maklumat.

Rombongan telah bertolak ke Perak selepas lawatan ke MIMOS dan telah disambut oleh Pegawai PKNP di Pengkalan Lumut untuk bermalam di Teluk Dalam Resort, Pulau Pangkor. Satu taklimat oleh PKNP telah diadakan di pejabat PKNP pada 7 Jamadil Awal. Selesai taklimat rombongan telah diraikan dengan jamuan tengahari serta lawatan ke Syarikat Anak milik PKNP iaitu Euro Collections Sdn. Bhd. yang memasarkan keluaran seramik untuk eksport. Rombongan juga telah dibawa melawat ke Kelly's Castle, medan makanan ringan serta gerai-gerai barangan tembikar tempatan. Rombongan memulakan perjalanan balik ke Kota Bharu dan selamat sampai ke destinasi pada jam 12.00 malam.

Terima kasih yang tidak terhingga di atas layanan baik dan mesra yang telah diberikan oleh semua pihak untuk sepanjang program tersebut. Ianya meninggalkan seribu kenangan manis dan jalinan silaturrahim yang akrab. Juga terima kasih kepada PKINK yang menajakan lawatan ini.

## KEKWA SERTAI HARI WANITA

Sambutan Hari Wanita Ke-44 Peringkat Negeri Kelantan yang bertemakan Nur: Kesaksamaan Gender di perkarangan Hotel Diamond Puteri, Kota Bharu pada 29 Oktober 2001 lalu, menyaksikan perhimpunan seramai 120 orang wanita yang mewakili 12 kontijen dari beberapa perkumpulan wanita di negeri Kelantan.

Perasmian majlis berkenaan telah disempurnakan oleh Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis binti Tengku Abdul Hamid. Dalam ucapannya, Baginda menyarankan agar wanita dapat menjaga maruah dan martabat mereka dalam pergaulan, tutur kata, gerak geri agar jangan terkeluar dari batas dan nilai agama. Baginda berkata, wanita mempunyai hak yang sama seperti lelaki, malah wanita mempunyai keistimewaan tersendiri sebagai tiang negara dan srikandi bangsa. Baginda juga melahirkan rasa kecewa kerana wujudnya pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga sanggup mengambil kesempatan dengan kelemahan fizikal pada wanita serta sanggup melakukan sesuatu yang terkutuk dan mereka yang bersalah menjatuhkan maruah wanita patut menerima hukuman yang setimpai.



Kontijen KEKWA (Kelab Kebajikan Wanita KSK PKINK) seramai 20 orang yang diketuai oleh Pengerusi KEKWA, Puan Nik Farzimar Nik Omar telah berjaya menaikkan seni perayaan Hari Wanita ini dengan pakaian seragam sutera baru yang 'simple' tetapi tetap 'elegant'.



# Latihan Pembimbing PROGRAM USAHAWAN MUDA 2001



PKINK yang telah dilantik oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) sebagai sekretariat Program Usahawan Muda (PUM) peringkat negeri Kelantan sejak tahun 1966 telah berjaya memantau serta melaksanakan berbagai program sokongan bagi memastikan PUM terus berkembang sebagaimana yang dirancangkan. Bagi menambahkan program PUM bagi tahun 2001, PKINK telah menganjurkan Sesi Taklimat Dan Latihan Pembimbing PUM pada 17 - 20 Jun lalu bertempat di Primula Parkroyal, Kuala Terengganu. Turut hadir di majlis perasmian program tersebut ialah En. Abdul Kadir Othman (Penolong Pengarah Pendidikan, Yayasan Islam Kelantan).

Sesi latihan 4 hari tersebut yang bermula dari jam 8.30 pagi - 11.00 malam telah dihadiri oleh 24 orang guru pengeloa dan 6 orang pegawai penasihat dari sekolah-sekolah yang terpilih bagi mengikuti program tersebut. Pelbagai ceramah telah dirangka bagi memberi pengetahuan serta persediaan kepada guru-guru dan penasihat yang terbabit. Ianya merangkumi Struktur Pelaksanaan, Penubuhan Syarikat, Modus Operandi, Jenis Perniagaan, Kreativiti, Perakaunan, Rancangan perniagaan serta Proses Pembubaran Syarikat. Ceramah-ceramah tersebut telah disampaikan oleh En. Rusli Ismail dari PKINK, 2 orang pegawai dari KPU iaitu En. Hasnor Mohamed dan En. Afendy Saadam serta 4 orang penceramah dari MEDEC. Majlis penutup dan penyampaian sijil kepada para peserta telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohd Suhaimi Hussin, Timbalan Ketua Eksekutif (P & P) PKINK.

## SELAMAT KEMBALI KE PKINK



Tuan Hj. Wan Ab. Rahman Wan Yaacob, bekas Pengurus Besar KPKB kembali bertugas di PKINK pada 16 Julai 2001 yang lalu setelah berkhidmat di syarikat tersebut selama lebih 6 tahun sejak penubuhan

Warga kerja PKINK mengucapkan selamat kembali kepada Tuan Hj. Wan Ab. Rahman yang telah memegang jawatan barunya sebagai Pengurus Projek & Hartanah PKINK.

Tuan Hj. Wan Ab. Rahman adalah antara Pegawai Kanan yang paling awal menyertai PKINK dan masih bertugas hingga kini. Beliau menyertai PKINK mulai 1 Mac 1979 sebagai Pegawai Tadbir selepas 3 tahun berkhidmat dengan FELDA.

Selepas menyertai PKINK, pada 1 Oktober 1980 beliau telah dilantik sebagai Pengurus Besar Perusahaan Tembakau Kelantan Sdn. Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh PKINK. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar Perusahaan Pertanian Kelantan Sdn. Bhd dan Ketua Sektor Pertanian PKINK pada tahun 1993 dan 1994. Kini selepas 21 tahun menabur bakti di syarikat-syarikat anak PKINK, akhirnya beliau menyahut panggilan untuk kembali bertugas di PKINK.

Anggota KPKB dan syarikat-syarikat dalam kumpulan telah mengadakan Majlis "Jasamu Dikenang" untuk menghargai khidmat Tuan Hj. Wan Ab. Rahman bekas Pengurus Besar mereka pada 15 Julai 2001 yang lalu. Ibarat "Sirih Pulang ke Gagangnya" warga kerja PKINK mengalukan kepulangan beliau. Selamat Kembali, Selamat Maju Jaya dan di



# KEJOHANAN BADMINTON PIALA KURNIA KDYMM AL-SULTAN DAN RAJA PEREMPUAN KELANTAN



Kejohanan di atas yang diadakan pada 15 -17 Ogos 2001 telah disertai oleh hampir 40 pasukan yang mewakili agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun negeri dan persekutuan. Kejohanan kali ini dibahagikan dua kategori iaitu lelaki dan wanita. Selain itu pasukan KDYMM Al-Sultan Kelantan yang diketuai oleh KDYMM Al-Sultan sendiri telah berkenan menyertai kejohanan tersebut disamping pasukan DYMM Raja Perempuan Kelantan serta pasukan Kerabat Al-Sultan Kelantan yang diketuai oleh YTM Tengku Mahkota Kelantan. Kejohanan tersebut telah diadakan di Dewan Badminton JKR, Jalan Telipot, Kota Bharu bagi pusingan pertama dan kedua manakala perlawanan separuh akhir dan akhir telah diadakan di Dewan Badminton UITM, Machang.

Diantara syarat-syarat penting penyertaan dalam kejohanan tersebut ialah setiap pasukan mestilah dianggotai oleh Regu Ketua Jabatan sendiri atau Timbalan Ketua Jabatan disamping penyediaan dua regu eksekutif dan dua regu terbuka. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan diwakili oleh Timbalan Ketua Eksekutif Perancangan dan Pembangunan (P&P) untuk regu VIP.



Perlawanan diadakan secara Liga Kumpulan yang mana setiap Johan Kumpulan adalah layak bermain dalam pusingan kedua yang diadakan secara kalah mati. Pada Pusingan Pertama, Pasukan PKINK telah diundi bersama-sama pasukan dari Majlis Daerah Kota Bharu, Majlis Daerah Pasir Puteh dan Majlis Daerah Gua Musang.

Perlawanan pada pusingan pertama menampakkan penguasaan pasukan PKINK yang telah berjaya memenangi kesemua perlawanan sekali gus muncul sebagai Juara Kumpulan. Pada pusingan kedua, pasukan PKINK telah mengalami kekalahan kepada pasukan Kerabat Kelantan dengan 0 - 4. Penentuan pusingan kedua adalah melalui undian.

Kesudahan perlawanan yang diadakan di Gelanggang Badminton UITM, Machang telah dijuarai Pasukan KDYMM Al-Sultan Kelantan setelah mengalahkan Pasukan Mahkamah dengan 4 - 0. Tempat ketiga telah dimenangi oleh Pasukan Kerabat Kelantan yang menundukkan Pasukan Majlis Daerah Bachok dengan 4 - 1.

Hadiah-hadiah kejohanan telah disampaikan oleh KDYMM Al-Sultan dalam satu majlis gilang-gemilang yang diadakan di Hotel Diamond Puteri pada 18 Ogos 2001.





# CITARASA

## Buah-Buahan Tempatan



Sebagai lanjutan daripada Pesta Nasi 100, Perdana Resort dengan kerjasama Pusat Penerangan Pelancongan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah bersama-sama mengadakan Pesta Buah-buahan yang diadakan dipesisiran pantai Perdana Resort pada 27 & 28 Julai 2001, bermula dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang.



Kira-kira 3,000 biji durian dan beratus-ratus kilogram rambutan, nenas, belimbing, manggis, jambu, tembikai dan banyak lagi buah-buahan tempatan turut disajikan kepada pengunjung dan juga pelancong luar yang mengunjungi pesta tersebut.

Beberapa acara menarik diadakan pada hari tersebut seperti pertandingan makan pulut durian, pertandingan gubahan buah-buahan,



pertandingan meneka berat buah dan juga pertandingan mewarna untuk kanak-kanak berumur 5 - 7 tahun.

Disamping menderma untuk tabung kebajikan anak-anak yatim, pengunjung boleh menikmati keenakan rasa buah-buahan tempatan dengan sepuas-puasnya. Selain daripada acara-acara menarik tersebut, Perdana Resort juga turut

menghidangkan Pulut Berinti perisa buah-buahan sepanjang 50 meter.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Pelancongan, Kebudayaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan, YB Tuan Haji Anuar Tan Abdullah telah merasmikan acara memotong Pulut Berinti Buah-buahan dan juga menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan makan pulut durian.

## SEPETANG BERSAMA

# CHEF WAN



Untuk kali keduanya Perdana Resort sekali lagi telah mengadakan demonstrasi masakan bersama Chef Wan dengan bayaran sebanyak RM 45 bersih seorang dan RM 90 bersih seorang untuk VIP, bertempat di Dewan Duyung petang pada 27hb. Julai 2001.

Seramai lebih kurang 60 peserta menghadiri demonstrasi tersebut. Para peserta juga diberi peluang beramah mesra dengan Chef Wan sendiri di samping mengajukan soalan-soalan tentang masakan.

Hi-Tea turut disediakan untuk para peserta di samping cabutan nombor bertuah dan juga hamper dari Muslim Best yang telah menaja barangan untuk demonstrasi tersebut. Para peserta telah diajar cara masakan sebanyak 3 resepi di samping mendengar celoteh dari Chef Wan.



# Sambutan HARI KEMERDEKAAN KE 44



Negara kita Malaysia telah merayakan Ulangtahn Kemerdekaan yang ke 44 pada tahun ini. Perayaan Bulan Kemerdekaan telah bermula pada 16 Ogos dan berakhir pada 16 September. 31 Ogos bukanlah tarikh keramat namun ianya merupakan hari dan detik bersejarah yang sentiasa dinanti-nantikan oleh setiap warga Malaysia. Jalur Gemilang yang megah berkibar di setiap pelusuk dan ceruk rantau begitu setia

mencetus semangat serta menyemai benih subur cintakan negara kepada setiap warga tanpa mengira asal keturunan dan peringkat usia.

Kemuncak bagi perayaan Bulan Kemerdekaan ialah Perhimpunan dan Perbarisan Hari Kebangsaan yang diadakan serentak di seluruh negara. Di peringkat negeri Kelantan, ribuan rakyat telah berhimpun di perkarangan Stadium Sultan Mohd. IV dan berbaris di sepanjang jalan-jalan sekitar bagi sama-sama memeriahkan acara kemuncak tersebut. Lebih seratus kontijen mewakili jabatan persekutuan, jabatan negeri, badan-badan berkanun persekutuan dan negeri, syarikat-syarikat swasta, pasukan peruniform serta pertubuhan-pertubuhan sukarela. PKINK turut menghantar kontijen dengan keanggotaan seramai 33 orang dalam perbarisan tersebut. Kepenatan berbaris untuk jarak 3 kilometer tersebut tidak begitu dirasai oleh peserta lantaran ianya turut diiringi oleh pancaragam angkatan tentera. Pakaian para peserta yang berwarna-warni telah turut menyerikan lagi suasana. Apa pun keadaannya..... setiap kali kaki melangkah dan setiap kali tangan dihayun ianya adalah hembusan cintakan negara yang tidak pernah padam.

Selain daripada perbarisan tersebut sebagai kemuncak, beberapa acara sampingan seperti koir, pembacaan puisi dan gerak gempur tentera turut dipersembahkan. Penyampalan hadiah kepada kontijen yang memenangi berbagai kategori yang dipertandingkan telah disempurnakan oleh YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.

